



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 28 OKTOBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PASTIKAN CAPAI SASARAN SSL BERAS NEGARA LEBIH 75 PERATUS, LOKAL, HM -20 BAJET 2022: TUMPU SARA DIRI BERAS, BH -ONLINE LEMBAGA RUMINAN NEGARA BANTU TINGKAT BEKALAN DAGING TEMPATAN, BH -ONLINE PROGRAM KEBUN KOMUNITI BERI MANFAAT 165,207 PESERTA, HARAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	DOKTOR HAIWAN PALSU 'PEMBUNUH', MUKA DEPAN, KOSMO -1 RAWATAN MURAH ANCAM NYAWA KUCING, NEGARA, KOSMO -2 HANYA DOKTOR BERTAULIAH LAYAK RAWAT, BEDAH HAIWAN, NEGARA, KOSMO -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	'10 KALI BANJIR KILAT TAHUN INI', NEGERI KEDAH, SH -27	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	JUAL PRODUK BAHAN KISAR JANA RM200,000 SEMASA PKP, BISNES, SH -30	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10. 11. 12.	BAJET 2022: AGROBANK HARAP INSENTIF DIGITALISASI DALAM AGROPRENEUR, BISNES, SH -29 PROGRAM AGROBANK DAN KOMUNITI RAI OKU CACAT PENGLIHATAN, PEKAK, NASIONAL, SH -18 AGROBANK RAI KOMUNITI OKU, EKONOMI, UM -36	AGROBANK
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	BAJET 2022 DIJANGKA PERUNTUK RM400B, DALAM NEGERI, UM -2 PENDAPATAN 80 NELAYAN DARAT TERJEJAS, NEGERI KEDAH, SH -26 TERUJA HASILKAN ANGGUR MANIS, RANGUP, NEGARA, KOSMO -17 PEGAWAI PERTANIAN TANAM 100 VARIETI POKOK ANGGUR, DALAM NEGERI, UM -29 A GOOD DEAL FOR THEIR HARD WORK, NATION, THE STAR -10 DRAGON FRUIT FARMER GETS CREATIVE TO BOOST SALES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 DARI LADANG KE MEJA MAKAN, LOKAL, HM -27 PRODUK KRIM ANTIRADANG DARI SAYUR MAMAN, GAYA INOVASI, UM -24 PENGGUNAAN SAYUR MAMAN DAN MINYAK KELAPA DARA, GAYA INOVASI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

Pastikan capai sasaran SSL beras negara lebih 75 peratus

Putrajaya: Bajet 2022 perlu memberi tumpuan kepada industri padi dan beras bagi memastikan negara mencapai sasaran tahap sara diri (SSL) beras negara lebih 75 peratus menjelang 2025 sebagai jaminan makanan untuk rakyat.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, adalah diharapkan Bajet 2022 memberi fokus kepada industri berkenaan termasuk dalam usaha peningkatan daripada segi subsidi *input* dan *output* bagi memberi manfaat kepada 300,000 pesawah.

Menurutnya, subsidi input seperti baja dan racun padi bukit atau huma dan insentif benih padi sah serta subsidi output seperti skim subsidi harga padi RM360 per metrik tan bersih padi yang dijual di kilang padi mampu meningkatkan lebih banyak pengeluaran sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

“Tumpuan berterusan perlu diberikan untuk memastikan pengeluaran padi dan SSL beras negara dipertingkatkan.

“Ia supaya tahap kebergantungan terhadap beras import dikurangkan serta sebagai usaha siap siaga untuk menghadapi krisis sekuriti makanan,” katanya kepada Bernama.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan membentangkan Bajet 2022 Jumaat ini yang akan menekankan tiga fokus utama iaitu pemulihan ekonomi, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan.

Azman berkata, penggunaan kaedah *Rice Check* yang betul perlu digalakkan supaya baja-baja yang diberikan kepada para pesawah digunakan secara optimum.

Ia bagi meningkatkan purata hasil sehektar nasional kepada tujuh tan metrik daripada purata hasil semasa 3.5 tan metrik ketika ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bajet 2022: Tumpu sara diri beras



Bantuan agensi kerajaan akan memberi manfaat kepada kira-kira 300,000 pesawah. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Bajet 2022 harus memberi tumpuan kepada industri padi dan beras bagi memastikan negara mencapai sasaran tahap sara diri beras lebih 75 peratus menjelang 2025, sebagai jaminan makanan untuk rakyat.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan, Azman Mahmood, berkata diharapkan Bajet 2022 memberi fokus kepada industri berkenaan, termasuk dalam usaha peningkatan dari segi subsidi input dan output, bagi memberi manfaat kepada kira-kira 300,000 pesawah.

Menurutnya, subsidi input seperti baja dan racun padi bukit atau huma, dan insentif benih padi sah serta subsidi output seperti skim subsidi harga padi RM360 per metrik tan bersih padi yang dijual di kilang padi, akan mampu meningkatkan lebih banyak pengeluaran sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

"Tumpuan berterusan harus diberikan untuk memastikan pengeluaran padi dan tahap sara diri beras negara dipertingkat supaya tahap kebergantungan terhadap beras import dikurangkan, serta usaha siap siaga hadapi krisis sekuriti makanan," katanya.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan membentangkan Bajet 2022 Jumaat ini yang akan menekankan tiga fokus utama iaitu pemulihan ekonomi, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan.

Azman berkata, penggunaan kaedah *Rice Check* yang betul perlu digalakkan supaya baja yang diberikan kepada pesawah digunakan secara optimum dalam meningkatkan purata hasil sehektar nasional kepada tujuh tan metrik daripada purata hasil semasa 3.5 tan metrik ketika ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) sekali gus mencapai sasaran tahap sara diri beras negara.

Rice Check ialah panduan untuk menguruskan tanaman padi mengikut sasaran yang ditetapkan. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Lembaga Ruminan Negara bantu tingkat bekalan daging tempatan



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menubuhkan Lembaga Ruminan Negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan daging tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata penubuhan institusi itu kini dalam proses untuk dilaksanakan.

Beliau berkata, Malaysia diakui tidak berupaya untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSL) bagi bekalan daging tempatan, sekali gus terpaksa terus bergantung kepada

import.

"Daging adalah produk pertanian yang tidak berkeupayaan untuk mencapai SSL dan sehingga kini kadar SSL hanyalah 23 peratus sahaja.

"Namun sekarang kita menubuhkan Lembaga Ruminan Negara untuk meningkatkan pengeluaran bekalannya," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Salahuddin Ayub (PH-Pulau) yang mahu tahu berhubung perkembangan National Feedlot Corporation (NFC) yang tujuan asalnya untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan.

Berhubung cabaran dihadapi pengusaha ternakan lembu yang terpaksa berdepan dengan harga makanan yang cukup tinggi, Ahmad berkata, kerajaan mengambil langkah melaksanakan program tanaman keperluan untuk bahan makanan ternakan lembu sendiri seperti jagung.

Ini kerana katanya, harga bahan makanan bagi ternakan lembu ini yang kebanyakannya diimport adalah diluar kawalan pihak kementerian.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) berhubung status import produk makanan, Ahmad berkata, jumlah import makanan negara direkodkan pada RM55.4 bilion tahun lalu, iaitu meningkat pada kadar purata 4.1 peratus setahun daripada RM45.3 bilion pada 2015.

Beliau berkata, Malaysia bergantung tinggi kepada import kopi, koko, teh dan rempah iaitu bernilai RM8.3 bilion pada 2020, selain bijirin dan sediaan bijirin (RM7.9 bilion) dan keluaran serta sediaan makanan lain (RM6.6 bilion).

"Pengimportan bahan makanan ini perlu bagi menampung kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan dalam negara terutama bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara.

"Ia termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran beriklim sederhana seperti bawang, ubi kentang, gandum, gula dan sediaan gula," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata seramai 22,415 usahawan tani menerima manfaat menerusi pelbagai program pemerksaan usahawan tani yang dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan Dasar Agro Makanan Negara (DAN).

Beliau berkata, sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan purata 6.8 peratus setahun kepada RM51.3 bilion pada tahun lalu berbanding RM26.6 bilion pada 2010 sepanjang pelaksanaan DAN.

"Secara khususnya, sumbangan subsektor ternakan kepada KDNK meningkat dengan kadar pertumbuhan purata 8.6 setahun setahun daripada RM7 bilion pada 2010 kepada RM16.0 bilion pada 2020.

"Bagi subsektor ternakan, pengeluaran komoditi utama khususnya daging ayam atau itik dan telur ayam atau itik meningkat masing-masing daripada 1.3 juta tan metrik pada 2010 kepada 1.7 juta tan pada 2020," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Program Kebun Komuniti beri manfaat 165,207 peserta



KUALA LUMPUR: Program Kebun Komuniti (Kebuniti) mendapat sambutan menggalakkan penduduk bandar dan pinggir bandar sehingga kerajaan menyalurkan empat kali peruntukan bagi pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata langkah itu dilaksanakan bagi membantu peserta menjana pendapatan pasca pandemik Covid-19 melalui

pertanian secara hidroponik.

Menurutnya, peruntukan sebanyak RM64 juta bagi manfaat 165,207 peserta di 22,385 lokasi seluruh negara yang melibatkan 47,938 individu, 42,282 komuniti, 32,135 institusi dan 51,652 sekolah.

“Kita buat tindakan susulan dengan menjadikan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) 2020 bagi membantu penduduk yang melibatkan peruntukan RM10 juta.

“Susulan sambutan yang menggalakkan, kerajaan menyuntik lagi bantuan sebanyak RM30 juta bagi pelaksanaan tersebut yang memberi manfaat tambahan kepada 39,608 penduduk,” katanya di Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator N Balasubramaniam pada sesi pertanyaan lisan mengenai sambutan masyarakat bagi menjayakan program pertanian komuniti yang dilaksanakan sejak 2014.

Dr Nik Muhammad Zawawi juga berkata, bagi menyokong kesinambungan program tersebut, kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang dibentangkan, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya kementerian mengalu-alukan permohonan, terutama penduduk yang terjejas akibat pandemik Covid-19, terutama kategori B40 untuk memulakan projek pertanian.

“Kita mengalu-alukan Yang Berhormat mengambil kesempatan ini untuk membantu penduduk yang kehilangan pendapatan ketika musim pandemik dengan dana RM50 juta di bawah RMK12.

“Bagi mereka yang tiada tanah, kita galakkan mereka menerima bantuan secara geran, iaitu memperkenalkan kaedah pertanian hidrophonik yang berpotensi lebih besar sekarang,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Doktor haiwan palsu 'pembunuh'

Tiada kelulusan perubatan veterinar, diagnosis tidak tepat dan banyak kucing mati

KOS rawatan dan pembedahan yang murah selain menyediakan servis ke rumah antara perkhidmatan yang ditawarkan doktor haiwan palsu yang menarik minat pemilik haiwan peliharaan memilih mereka. Bagaimanapun, khidmat rawatan yang ditawarkan

individu tanpa kelulusan perubatan veterinar itu membawa padah apabila sebahagian haiwan terutama kucing yang menjalani pembedahan pembedahan berakhir dengan kematian. Doktor veterinar, Dr. Salehatul Khuzaimah

HAIWAN peliharaan seperti kucing yang berpenyakit perlu dirawat oleh doktor veterinar yang bertauliah. - GAMBAR HIASAN

Mohamad Ali berkata, beliau pernah merawat kucing-kucing yang mengalami kesan teruk selepas dibedah doktor haiwan palsu dengan hanya 50 peratus daripada haiwan itu berjaya diselamatkannya.

► LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Doktor veterinar palsu 'pancing' pelanggan, sanggup datang rumah tawar khidmat

Rawatan murah ancam nyawa kucing

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR dan SITI AISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Kos rawatan serta pembedahan yang murah antara kelstimewaan yang ditawarkan doktor-doktor haiwan palsu untuk menarik minat pemilik haiwan peliharaan memilih perkhidmatan mereka.

Contohnya, kos untuk proses pemandulan haiwan seperti kucing mencecah sehingga RM250 sekor di klinik veterinar swasta, namun jika dilakukan dengan doktor haiwan palsu, caj yang dikenakan tidak sampai RM200.

Malah, doktor-doktor palsu terbahit juga menyediakan perkhidmatan di rumah pelanggan dan tiada sebarang janji temu yang diperlukan.

Bagaimanapun, khidmat yang ditawarkan individu tidak mempunyai kelulusan perubatan veterinar itu boleh mengancam nyawa haiwan peliharaan terutama kucing apabila berlaku jangkitan atau kesan sampingan sehingga mengakibatkan kematian.

Doktor veterinar, Dr. Salehatul Khuzaimah Mohamad Ali mendedahkan, beliau pernah menerima banyak kes haiwan peliharaan terutama kucing yang mengalami kesan teruk selepas dirawat atau dibedah oleh doktor haiwan palsu atau 'bogus veterinar'.

Menurutnya, antara perkhidmatan yang sering ditawarkan seperti pembedahan serta rawatan biasa untuk penyakit selesma, sakit mara dan kurap.

"Namun, jika keadaan haiwan itu tidak bertambah baik atau semakin teruk selepas dirawat doktor palsu, pemiliknya akan membawa kucing mereka kepada kami.



DR. SALEHATUL KHUZAIMAH mahu Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil tindakan tegas terhadap individu yang bertindak sebagai doktor haiwan palsu.

"Malah, ada kes yang kami terima sampai usus kucing terkeluar selepas dihantar kepada doktor haiwan palsu dan perlu menjalani pembedahan semula. Kami pun tak pasti bagaimana keadaan itu boleh berlaku," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dr. Salehatul Khuzaimah berkata, apabila haiwan tersebut dihantar kepada individu yang

tidak mempunyai kelulusan perubatan veterinar, diagnosis yang dijalankan mereka adalah tidak tepat sekali gus memburukkan lagi keadaan haiwan yang sedang dirawat.

"Dalam kes-kes tertentu, setalah kami melakukan pemeriksaan terhadap haiwan yang dihantar ke klinik, rawatan yang diberikan doktor haiwan palsu



ANTARA kucing yang menjadi mangsa doktor haiwan palsu.

didapati tidak tepat, jadi ubat yang disediakan juga tidak kena dengan keadaan sakit haiwan tersebut," ujarnya.

Bellau yang berkhidmat sebagai doktor veterinar kira-kira 12 tahun berkata, beliau difahamkan khidmat rawatan itu disediakan oleh pemilik kedai haiwan atau individu yang pernah berkhidmat di klinik veterinar, tetapi bukan seorang doktor haiwan.

Katanya, beliau pernah cuba menyelamatkan banyak kucing yang mengalami jangkitan atau kesan teruk selepas melalui pembedahan pemandulan di sebuah kedai haiwan yang popular suatu masa dahulu.

"Bagaimanapun, hanya 50 peratus daripada kucing tersebut dapat diselamatkan, manakala yang lain mati kerana keadaan haiwan itu sangat teruk," katanya.

Dr. Salehatul Khuzaimah memberitahu, beliau juga pernah menerima pertanyaan daripada beberapa pemilik haiwan peliharaan sama ada boleh menjalankan pembedahan kembiri atau pemandulan di rumah sahaja.

Namun katanya, perkhidma-

tan itu tidak disediakan, sebaliknya mereka perlu membawa kucing ke klinik yang dilengkapi pelbagai kemudahan perubatan veterinar.

"Ada pemilik haiwan yang mendakwa, seseorang individu yang mengaku doktor haiwan pernah menawarkan khidmat tersebut di rumah sahaja," katanya.

Dr. Salehatul Khuzaimah juga mempersoalkan bagaimana doktor veterinar tidak bertauliah begitu mudah mendapatkan ubat-ubatan yang tidak boleh dijual sesuka hati.

Katanya, ubat-ubatan tersebut perlu disertakan Sijil Perakuan Pendaftaran Tahunan (APC) kepada pembekal untuk mendapatkannya.

"APC ini pula mesti diperbaharui setiap tahun dan apabila tamat tempoh, ada pembekal ubat sangat tegas dan menunggu sehingga APC yang baharu diperbaharui.

"Semua klinik veterinar juga wajib memaparkan APC tersebut dan menjadi hak pemilik untuk memastikan haiwan peliharaan dirawat oleh individu yang bertauliah," ujarnya.

Hanya doktor bertauliah layak rawat, bedah haiwan



NORLIZAN

PUTRAJAYA - Perkhidmatan veterinar seperti rawatan serta pembedahan ke atas haiwan termasuk pemandulan mesti dilakukan oleh pengamal atau doktor veterinar yang mendapat tauliah daripada Majlis Veterinar Malaysia.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor berkata, perkara itu adalah sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Doktor

Veterinar 1974 (Akta 147).

"Adalah menjadi kesalahan mana-mana pihak atau individu yang tiada kelayakan atau tidak bertauliah mengamalkan perkhidmatan veterinar sebagaimana peruntukan sub-Seksyen 33(1) Akta 147," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mana-mana individu yang melanggar peruntukan itu boleh dikenakan denda maksimum

RM1,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau keduanya jika sabil kesalahan.

Sehubungan itu, Norlizan menggesa orang ramai membuat aduan kepada pihak berkuasa sekiranya mereka mengesan kegiatan tersebut dilakukan oleh doktor-doktor haiwan palsu.

"Jika ada pihak yang mendapati berlakunya kegiatan tersebut atau mengesyaki terdapat

mana-mana pihak atau individu menyediakan perkhidmatan veterinar tanpa kelayakan atau tidak bertauliah, majukan aduan kepada pihak berkuasa.

"Aduan boleh dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau Majlis Veterinar Malaysia serta balai polis berhampiran untuk siasatan serta tindakan perundangan terhadap pihak terbahit," ujarnya.

'10 kali banjir kilat tahun ini'

Lebih 100 keluarga dibelenggu kebimbangan setiap kali hujan lebat

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Lebih 100 keluarga di Taman Pulau Jaya di sini bimbang dengan masalah banjir kilat yang sering melanda di kawasan tersebut setiap kali hujan lebat berterusan lebih satu jam.

Pengerusi Surau Taman Pulau Jaya, Hamzah Said, 59, berkata, masalah banjir kilat dialami penduduk taman perumahan berkenaan sudah lama namun semakin kerap berlaku sejak akhir-akhir ini.

"Setiap kali hujan lebat, penduduk akan resah memikirkan air menerusi sistem perparitan ber-

dekatan naik sehingga paras 0.6 meter (m) dan adakalanya melimpah ke rumah penduduk.

"Setakat ini, air sudah naik lebih 10 kali dalam tempoh setahun dan lebih memburukkan keadaan apabila kenderaan melalui kawasan dipenuhi air menyebabkan ia berolak seakan ombak dan masuk ke rumah penduduk," katanya kepada penerbita pada Selasa.

Hamzah berkata, para penduduk taman berkenaan tidak menyalahkan mana-mana pihak sebaliknya hanya mahu masalah membelenggu kehidupan mereka sekian lama diselesaikan secepat mungkin.

Sementara itu, kebimbangan penduduk itu mendapat perhatian daripada Exco Penerangan, Komunikasi dan Multimedia, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kedah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Pinang, Wan Romani Wan Salim.

Wan Romani memberitahu,



HAMZAH

Wan Romani (air) meninjau sistem perparitan berdekatan Taman Pulau Jaya, Alor Setar pada Selasa.



masalah banjir kilat di taman perumahan berkenaan dipercayai berlaku disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak berfungsi dengan baik.

Bagaimanapun, jelas beliau, pihak berkenaan telah melakukan kajian dan meneliti puncanya dan akan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan tersebut.

"Antara lain kita dapat kolam tadahan air di taman perumahan tersebut mempunyai kapasiti keluasan agak terhad sekali gus menyebabkan ia cepat penuh apabila hujan lebat selama satu jam sat-aja," katanya.

Wan Romani berkata, hasil rundingan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

(MADA), pihak MADA bersejua untuk mengalirkan takungan air yang berlaku bagi mengatasi serba sedikit banjir kilat di kawasan itu.

"Berdasarkan jangkaan awal, kos pelaksanaan bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan berkenaan dianggarkan melebihi RM500,000 dan projek tersebut dijangka siap tahun depan," jelas beliau.

Jual produk bahan kisar jana RM200,000 semasa PKP

KUALA LUMPUR - Mengambil kira senario semasa dan suasana ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendorong seorang wanita memulakan perniagaan mengeluarkan bahan kisar untuk masakan dengan jenama Kitchen Saver. Usahawan, Nur Harfiza Hashim berkata, perniagaan berasaskan bahan untuk memasak seperti bawang, halia, kunyit, lengkuas dan cili bermula sejak April tahun lalu dan kini sudah mempunyai 200 ejen seluruh semenanjung Malaysia.

Lebih menggembarakan, beliau memberitahu, ada antara ejennya berjaya menjana pendapatan sehingga RM200,000 dalam tempoh enam bulan menjalankan perniagaan berkenaan. "Setelah berbulan-bulan akur dengan piawaian operasi standard (SOP) dan perintah kawalan pergerakan yang ditetapkan, kini masanya untuk kami mencipta kelainan dan cara-cara inovatif untuk orang ramai memasak di dapur.

"Saya juga gembira kerana dapat bersama-sama berkongsi rezeki termasuk dengan golongan ibu tunggal dan pelajar serta mereka yang hilang punca pendapatan akibat pandemik Covid-19," katanya. Nur Harfiza berkata, Kitchen Saver jenama di bawah syarikat Anggun Lufya Empire Sdn Bhd memiliki sebuah kilang di Wangsa Maju.

Beliau berkata, jenama itu juga mampu mengeluarkan sembilan jenis pilihan produk berharga RM15 hingga RM18 sebotol.

Antara produk yang dikeluarkan ialah



Pekerja di Kilang Kitchen Saver memasuh serai yang merupakan salah satu daripada bahan kisar yang dikeluarkan oleh jenama itu.

Bawang Putih Kisar, Bawang Holland Kisar, Bawang Besar Kisar, Kunyit Kisar, Lengkuas Kisar, Serai Kisar, Cili Padi Kisar, Cili Kering Kisar dan Halia Kisar.

"Alhamdulillah dalam tempoh sebulan, Kitchen Saver mampu menjual sebanyak 120,000 botol pelbagai bahan kisar dengan purata 3,000 botol seminggu.

"Ramai juga bertanya, boleh pergi jauh ke produk ini atau berapa lama boleh tahan? Inilah Kitchen Saver, kerana produk kami mampu bertahan selama sebulan jika disimpan di dalam ruang simpanan



Pekerja memastikan proses pembungkusan produk Kitchen Saver dilakukan dengan pemantauan kualiti terutamanya kebersihan.

biasa peti ais manakala jika disimpan di dalam tempat beku ia mampu bertahan selama setahun," katanya.

Selaku jenama bahan mentah kisar kasar yang pertama di Malaysia, Kitchen diiktiraf Halal dan menerima khidmat nasihat serata bekalan bahan mentah daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), serta dorongan daripada pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Beliau berkata, setiap ejen sentiasa diingatkan serta diminta untuk bersama-sama memperkenalkan produk keluaran Kitchen Saver tanpa 3P; pengawet, pewarna dan perisa.

"Alhamdulillah setakat ini, segala bahan yang digunakan

termasuk air mentah akan dihantar terlebih dahulu kepada pihak MARDI untuk pemeriksaan dan kelulusan. Malah pekerja kami yang menguruskan produk juga telah mendapat suntikan 'Thypoid' katanya.

Maklumat lanjut mengenai Kitchen Saver boleh didapati di laman web <https://kitchensaverhq.com> atau facebook dan Instagram.



Nur Harfiza menunjukkan pilihan produk keluaran Kitchen Saver yang membantu memudahkan kerja memasak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	SINAR HARIAN	BISNES	29

Bajet 2022 : Agrobank harap insentif digitalisasi dalam Agropreneur

KUALA LUMPUR – Agrobank menjangkakan agar lebih banyak sokongan dan bantuan dalam bentuk dana dan insentif dapat diberikan untuk membantu komuniti agro di kawasan luar bandar dalam penggunaan digitalisasi dan aplikasi pertanian moden dalam Bajet 2022 yang akan dibentangkan Jumaat ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, selain daripada membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mereka yang hilang pekerjaan sepanjang pandemik Covid-19, usahawan agro di kawasan luar bandar memerlukan perhatian setimpal bagi memastikan Dasar Agro-makanan Negara 2.0 (DAN 2.0) mencapai matlamatnya.

“Dalam usaha pelbagai pihak untuk mencapai hasrat dan aspirasi negara ke arah modenisasi, dalam sektor pertanian moden di Malaysia terutamanya berkaitan penggunaan teknologi, masih wujud lagi sedikit ketidakpastian dalam kalangan pelanggan kami yang mungkin menghadapi kesukaran untuk lebih memahami dan menyesuaikan diri dengan teknologi digital. Apatah lagi apabila ramai pelanggan kami berada di kawasan terpencil dan luar bandar.

“Justeru itu, kami berharap agar peluang setara dalam aspek pendedahan mengenai pendigitalan dapat diberikan kepada mereka, di mana kami boleh membantu untuk membawa mereka bergerak seiring dalam perjalanan ke arah penggunaan teknologi dan digital dalam sektor



pertanian, sekali gus merapatkan jurang digital dalam kalangan pelanggan kami di kawasan pedalaman dan luar bandar,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Agrobank yakin bahawa penggunaan teknologi dan digital akan menjadi satu kemestian dan keperluan bagi pelanggan kami dalam berhadapan dengan kesan daripada situasi pandemik Covid-9 pada masa ini dan juga pada masa hadapan.

Berikutan itu, satu bentuk insentif yang sewajarnya harus diberikan bagi membantu komuniti agro agar mampu berkembang seiring dengan matlamat DAN 2.0 dan seterusnya menyesuaikan diri dengan era pemodenan dalam sektor pertanian.



Kenyataan media dari Agrobank

Program Agrobank dan Komuniti rai OKU cacat penglihatan, pekak

SHAH ALAM - Agrobank menerusi program perdannya, Agrobank dan Komuniti meratkan komuniti orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan dan komuniti OKU pekak sempena sambutan Hari Keselamatan Tongkat Putih yang disambut pada 15 Oktober setiap tahun.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, Agrobank mengutamakan bantuan kepada komuniti OKU cacat penglihatan di Malaysia dengan menyumbang sebanyak 100 unit tongkat putih kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia.

Menurutnya, Agrobank juga menawarkan kursus pemasaran digital dalam talian secara percuma melalui Program Zero Cost Marketing kepada usahawan ahli yang berdaftar di bawah Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia selama dua hari seminggu bagi tempoh tiga bulan.

"Melalui program yang akan dikendalikan oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE), kami telah menyediakan modul



Barisan belakang dari kiri, Mohamad Sazali, Mohamad Nazari, Khadijah dan Zahid Ahmed serta ahli Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia sempena sambutan Hari Keselamatan Tongkat Putih di Kuala Lumpur pada Selasa.

latihan pembangunan sosio-ekonomi menerusi kelas bimbingan yang koruprehensif.

"Program latihan ini akan memberi fokus untuk merapatkan jurang digital dalam kalangan usahawan ahli bagi membekalkan mereka dengan kemahiran berkaitan pemasaran secara dalam talian.

"Kami percaya dengan menawarkan kursus sebegini mampu menyediakan komuniti ini dengan ilmu dan pengetahuan baharu berkaitan trend

perniagaan semasa, sekali gus membolehkan mereka meneroka peluang pasaran perniagaan digital untuk menjana pendapatan sendiri terutama dalam tempoh sukar ketika ini," katanya dalam satu kenyataan.

Pada Selasa, Khadijah telah menyerahkan 100 tongkat putih kepada Presiden Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia, Mohamad Nazari Othman pada majlis sambutan Hari Keselamatan Tongkat Putih di Auditorium Tun Ahmad

Sarji, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Menurut Khadijah, inisiatif Agrobank dan Komuniti adalah selaras dengan hala tuju serta strategi perniagaan Agrobank yang urut menawarkan pelbagai produk khas kepada komuniti OKU di Malaysia seperti Agro Nurani, skim perlindungan ta-kafu yang pertama diperkenalkan di Malaysia khusus untuk komuniti OKU dan Agro Bakti, program pembiayaan khas bagi

usahawan mikro dalam kalangan komuniti OKU.

Dalam pada itu, Khadijah turut menyerahkan sumbangan Agrobank berjumlah RM5,000 kepada Persekutuan Orang Pekak Malaysia yang diwakili Presidennya, Mohamad Sazali Shaari.

Sambutan Hari Keselamatan Tongkat Putih disambut pada 15 Oktober setiap tahun sejak 1964 dan diadakan bagi memperingati pencapaian komuniti OKU cacat penglihatan di seluruh dunia.

Agrobank rai komuniti OKU

PETALING JAYA: Agrobank meraikan rakan komuniti Orang Kurang Upaya bersempena sambutan Hari Keselamatan Tongkat Putih.

Menurut Penangung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, sebagai sebuah institusi perbankan yang begitu dekat dengan komuniti di mana bank beroperasi, terutama komuniti yang kurang mendapat liputan dan perhatian.

Beliau berkata, Agrobank berasa terpacu dan bertanggungjawab untuk turut sama membantu dan menghulurkan bantuan kepada komuniti OKU cacat penglihatan di Malaysia dengan menyumbang seba-

nyak 100 unit tongkat putih kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (POCPM).

"Selain sumbangan tongkat putih, kami di Agrobank juga berbesar hati untuk menawarkan kursus pemasaran digital dalam talian secara percuma melalui *Program Zero Cost Marketing* kepada usahawan ahli yang berdaftar di bawah POCPM selama dua hari seminggu bagi tempoh tiga bulan.

"Melalui program yang akan dikendalikan oleh Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE), kami telah menyediakan modul latihan pembangunan sosioekonomi menerusi kelas bimbingan yang komprehensif.

"Program latihan ini akan memberi fokus untuk merapatkan jurang digital di kalangan usahawan ahli bagi membekalkan mereka dengan kemahiran berkaitan pemasaran secara dalam talian," katanya dalam kenyataan.

Sumbangan disempurnakan oleh Khadijah dan Presiden POCPM, Mohammad Nazari Othman di Auditorium Tun Ahmad Sarji, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang.

Inisiatif Agrobank dan Komuniti itu selaras dengan hala tuju dan strategi perniagaan Agrobank yang turut menawarkan pelbagai produk khas untuk komuniti OKU di Malaysia seperti

Agro Nurani, skim perlindungan takaful yang pertama diperkenalkan di Malaysia khusus untuk komuniti OKU dan Agro Bakti, program pembiayaan khas untuk usahawan mikro di kalangan komuniti OKU.

Di majlis yang sama, Khadijah turut menyerahkan sumbangan Agrobank berjumlah RM5,000 kepada Persekutuan Orang Pekak Malaysia diwakili Presidennya, Mohamad Sazali Shaari dan beberapa ahlinya.

Hari Keselamatan Tongkat Putih disambut pada 15 Oktober setiap tahun sejak 1964 dan diadakan untuk meraikan pencapaian komuniti OKU cacat penglihatan di seluruh dunia.



KHADIJAH Iskandar (belakang, dua dari kanan) bersama pesatuan dan komuniti Orang Kurang Upaya yang menerima sumbangan daripada Agrobank dalam satu majlis, baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



PAKAR ekonomi berpendapat aspek sokongan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk petani perlu dalam Bajet 2022. - UTUSAN SHAHIR NOORDIN

Bajet 2022 dijangka peruntuk RM400b

Dari muka 1

Sementara itu, pakar ekonomi, Profesor Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, pemulihan dan transformasi perlu menjadi fokus Bajet 2022 agar usaha pemulihan ekonomi negara dan kesan Covid-19 berada pada landasan betul.

Beliau berkata, dua perkara penting itu bukan soal bantuan tunai semata-mata, tetapi memerlukan aspek sokongan antaranya latihan untuk membantu meningkatkan taraf kehidupan.

Katanya, tanpa kedua-dua aspek itu, usaha pemulihan negara tidak akan berganjak.

Noor Azlan menambah, skop Bajet 2022 perlu diperluaskan kepada aspek sokongan termasuk program latihan untuk membantu mereka meningkatkan kehidupan.

“Sejak dahulu sehingga kini, setiap kali bantuan diumumkan dalam bajet, kita tidak pernah mengambil kira bagaimana untuk membawa

keluar daripada kelompok kemiskinan. Tidak dinafikan kerajaan perlu bantu rakyat, tetapi tidak boleh berterusan memberikan bantuan tunai kerana boleh membebankan dana awam.

“Sebaliknya ukuran kejayaan sesuatu bantuan itu adalah sejauh mana membantu mereka keluar daripada masalah. Itulah ukuran perlu diambil kira kerajaan dan masyarakat hari ini. Kita tidak boleh berbangga terhadap pencapaian jumlah kita memberikan bantuan, tetapi sewajarnya perlu dilihat kejayaan bagaimana mereka berjaya keluar daripada krisis kewangan,” katanya.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dijangka membentangkan Bajet 2022 esok yang akan memberi tumpuan usaha menangani segera semua isu fiskal di samping berfokuskan kepada 3M iaitu memulih kehidupan, membina semula daya tahan dan memangkin pembaharuan.

Dalam pada itu, Noor Azlan menambah, walaupun Bajet 2022 perlu dilakukan secara inklusif dan menyeluruh, kerajaan wajar mengambil kira agihan secara sasaran mikro kerana rakyat terkesan mempunyai latar belakang berbeza.

Jelas beliau, justeru kerajaan perlu data raya yang mempunyai maklumat terperinci setiap lapisan masyarakat agar bantuan disampaikan dapat digihkan secara bersasar.

“Misalnya golongan B40 di dalam dan luar bandar, mereka dalam kumpulan sama tetapi masalah dihadapi berbeza. Contohnya, isi rumah di Kuala Lumpur tidak sama seperti di Parit Buntar.

“Saya berpandangan perlu melihat kawasan, demografi dan konsep kos sara hidup. Semestinya pendapatan isi rumah di sesetengah kawasan, berbanding di tengah-tengah bandar adalah berbeza. Jadi kita memerlukan ukuran kuasa pembelian merentasi pelbagai kawasan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG/KEDAH	26

Pendapatan 80 nelayan darat terjejas

Penduduk dakwa aktiviti perlombongan punca hasil tangkapan berkurangan

Oleh **NOOR AINON MOHAMED YUSOF**

PASIR SALAK

Aktiviti perlombongan yang dijalankan di Air Kuning, Kampung Gajah di sini didakwa menjejaskan pendapatan lebih 80 nelayan darat di kawasan berkenaan.

Yang Dipertua Persatuan Perikanan Air Tawar (Pemiati) Kampung Gajah, Sairul Nizam Mohamad Saleh berkata, aktiviti yang dijalankan di kawasan seluas lebih 566 hektar itu melibatkan kawasan tanaman sawit dan perairan umum iaitu lombong dan sungai.



Penduduk dan nelayan darat membantah aktiviti perlombongan di kawasan Air Kuning, Kampung Gajah.

Menurutnya, pemberian lesen menjelajah kepada syarikat terbahit yang memulakan aktiviti sejak dua bulan lalu telah menjejaskan sumber pendapatan penduduk termasuk orang asli.

“Kawasan berkenaan melibatkan MyKomuniti Perikanan (MyKP) Sungai Galah, Air Kuning dan Chenderong Kelubi.

“Nelayan mula terganggu apabila ada kawasan yang sudah tidak boleh dimasuki serta laluan untuk

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Gajah, Danuk Dr Wan Norashikin Wan Noordin berkata, pihaknya telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai masalah tersebut.

Kata Wan Norashikin, pihaknya difahamkan sebuah anak syarikat kerajaan negeri telah meluluskan kuasa cari gali kepada empat syarikat terbahit.

“Kami dapati kumpulan penduduk Kampung Sungai Galah, Air Kuning dan persatuan nelayan yang tidak berpuas hati selepas tidak dibenarkan masuk ke kawasan berkenaan untuk mengambil hasil.

“Saya berharap anak syarikat kerajaan negeri bersama empat syarikat yang dilantik perlu mencari jalan terbaik bagi kepentingan bersama,” katanya.

Beliau bercadang untuk mengadakan pertemuan bersama pihak terbahit bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

pada RM100 kepada RM30 sehari.

“Selain itu, kami ada kemukakan permohonan untuk teroka kawasan sama bagi pertanian dan penternakan namun ditolak kerana ia merupakan rizab Pulau Burau.

“Lebih 30 tahun kawasan ini tidak diteroka dan sepanjang tempoh itu kami bergantung kepada hasil hutan dan sungai, kini aktiviti kami mula terjejas,” katanya.

ke kebun ditutup. Kami khuatir aktiviti itu akan mengganggu ekosistem semula jadi kawasan ini,” katanya pada Isnin.

Sairul Nizam berkata, bantahan telah dikemukakan secara lisan kepada pihak berkenaan namun jawapan yang diterima amat mengecewakan.

Bagi penduduk, Shuhaini Abdul Sukor, 44, dia mengakui hasil sungai berkurangan apabila pendapatan harian merosot dari-

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

28/10/2021

KOSMO

NEGARA

17

Mampu dituai sehingga 60kg setiap musim, namun buah bukan untuk dijual

Teruja hasilkan anggur manis, rangup

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID

ALOR SETAR – Seorang pegawai pertanian berjaya mengusahakan tanaman anggur dengan buah yang manis dan berkualiti di halaman rumahnya di sini sejak 2001.

Menurut Zairizal Zainon, 41, dia kini mempunyai kira-kira 100 jenis pokok anggur dari pelbagai negara seperti Ukraine dan Jepun.

"Antara variasi yang ada ialah Akademik, Dixon, Vefes dan Kratoshka yang sangat digemari ramai," katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, dia mula menanam anggur di halaman rumah di Taman Merbau pada 2001 dengan dua variasi anggur sahaja dan tidak menyangka hasil kajian serba minatnya dengan tanaman itu berjaya mengeluarkan buah yang berkualiti.

"Selepas melihat hasil tanaman yang baik, saya terus me-



ZAIRIZAL menunjukkan anggur yang telah dihasilkan di kebun anggurnya di Alor Setar semalam.

ngorak langkah dengan meluaskan kawasan tanaman itu di tanah lot seluas 0.14 hektar berhampiran Taman Chengal di sini," ujarnya.

Zairizal berkata, dia mem-

belanjakan kira-kira RM20,000 untuk membina rumah pelindung hujan dan kini semua tanaman-nya itu sudah mengeluarkan hasil.

"Setiap kali musim buah, ramai yang datang ke kebun anggur

saya dan antara variasi yang paling digemari ialah Akademik dari Ukraine kerana buahnya hitam, manis dan rangup.

"Mereka turut bergambar yang mana suasananya seperti berada

di luar negara. Saya tidak pernah menjual kepada pihak luar kecuali mereka yang berkunjung ke kebun anggur untuk merasa serba memetik buah yang segar saya ini secara bersedekah," jelasnya.

Menurutnya, hasil kajiannya, anggur sangat sesuai ditanam di negara ini terutamanya di utara tanah air kerana musim panas ketara akan menyuburkan tanaman serta memajukan buah.

"Saya mendapati setiap kali memetik anggur pada musim kemarau terutamanya pada Januari dan Februari, buahnya sangat manis dan setanding dengan buah di negara Eropah," katanya.

Zairizal memberitahu, dia mampu memetik antara 50 hingga 60 kilogram (kg) anggur pada setiap musim.

"Teknik Tanam Anggur Cepat Berbuah (TACB) yang dihasilkan mampu mengeluarkan hasil seawal lima bulan dan terbaharu tanaman berbuah adalah pada Ogos lalu," katanya.

Pegawai pertanian tanam 100 varieti pokok anggur

Oleh **MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**
utusannews@mediamulla.com.my


ALOR SETAR: Seorang pegawai pertanian berjaya mengusahakan tanaman anggur di kebun seluas 0.14 hektar di Jalan Datuk Kumbang di sini sejak 2001.

Menurut Zairizal Zainon, 41, pada masa ini, dia menanam kira-kira 100 varieti pokok anggur dari pelbagai negara seperti Ukraine dan Jepun.

Pokok anggur yang ditanam di kebun itu mengeluarkan buah berkualiti dan manis.

"Antara varieti yang ada ialah *Akademik*, *Dixon*, *Veles* dan *Krasotika* yang sangat digemari ramai," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, dia mula menanam anggur di halaman rumah di Taman Merbau di sini pada 2001 dengan dua varieti anggur sahaja dan tidak menyangka hasil kajian serta minatnya dalam tanaman itu berjaya mengeluar-



ZAIRIZAL Zainon menunjukkan buah anggur yang terdapat di kebunnya di Jalan Datuk Kumbang, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/ MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

kan buah yang berkualiti.

"Selepas melihat hasil tanaman yang baik, saya terus men- gorak langkah dengan mem-

buka kebun tanaman anggur seluas kira-kira 0.14 hektar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Zairizal yang merupakan graduan Universiti Putra Malaysia berkata, dia sebelum ini membelanjakan kira-kira RM20,000 untuk membina rumah pelindung hujan bagi mengusahakan tanaman tersebut.

"Setiap kali musim buah, ramai yang datang mengunjungi kebun anggur saya ini dan antara varieti yang paling digemari ialah *Akademik* dan *Ukraine* kerana buahnya bitam, manis dan rangup.

"Di Eropah halangan utama penanam anggur ialah pada musim salji apabila kesemua pokok anggur terpaksa ditutup supaya tidak rosak," ujarnya.

Tambahnya, dia mampu memetik antara 50 hingga 60 kilogram anggur pada setiap musim.

"Teknik Tanam Anggur Cepat Berbuah (TACB) yang dihasilkan mampu mengeluarkan hasil seawal lima bulan dan terbaharu tanaman berbuah adalah pada Ogos lalu," katanya.

A good deal for their hard work

Man sets up market for fishermen to sell daily catch minus middlemen

By VENESA DEVI

venesa@thestar.com.my

ISKANDAR PUTERI: A man who witnessed the daily struggles of fishermen since he was young decided to set up a market that pays them fairly for their hard work.

Shalan Junt'at was in kindergarten when he started braving the seas with his fisherman father.

He witnessed first hand the challenges and danger to satisfy the public's consumption for seafood.

"I saw with my own eyes how my father struggled daily to earn a living for us.

"When I grew up, I was disappointed to see fishermen being treated unfairly.

"Despite going through all the obstacles to get their catches and putting their lives at risk, fishermen hardly get enough to go by," he said in an interview.

Shalan, 35, said middlemen often enjoyed most of the profits while fishermen earned very little for their hard work.

"Sometimes, the money they earned would not be enough for them to even cover their expenses to go out to the sea," he said.

To help the fishermen, Shalan opened a market at Pendas Laut, Gelang Patah, in 2016.

He would pay fishermen contributing to the market, dubbed Pasar Pendekar Laut, about 90% of the market price for their catch and



retained an average of about 10% or lesser for market expenses.

"Sometimes, when they could only bring a small amount of catch, I will not take any charges.

"They will send their catch between 9am and noon daily, which we sell to customers on the spot.

"There are now about 40 fishermen contributing their catch to the market and they come from several villages nearby," Shalan said, adding that he started off with only three boats.

Pasar Pendekar Laut, which got its name from P. Ramlee's *Pendekar Bujang Lapuk* film, is also a place where fishermen could come together to help each other.

"Sometimes, if one of their boats breaks down, I will help to repair it myself or seek the help of other fishermen to work together to fix it. The same goes with their fishing gear.

"I want Pasar Pendekar Laut to be more than just a market but a platform for the fishing community to help and learn from one another," he said.

Shalan, who is also the founder of



Fair price:

Shalan taking note of the weight of a stingray sold at Pasar Pendekar Laut in Pendas Laut, Gelang Patah.

— THOMAS YONG/The Star

initiatives would pave the way for fishermen to have better earnings to support their family.

For his noble efforts, Shalan is recognised as one of the 10 winners of Star Golden Hearts Award 2021, an annual award that celebrates everyday Malaysian unsung heroes.

Moving forward, Shalan said he planned to help local fishermen to dive into eco-tourism by providing floating raft cabins for recreational fishing.

"At the moment, five fishermen have showed interest on the initiative. We are in the initial stages of preparing the raft.

"For now, we will start with one raft and are looking into renting it to fishing enthusiasts very soon," he said, adding that he hoped these

an environmental non-governmental organisation called Kelab Alam, also encouraged fishermen to practise sustainable fishing.

"For instance, if a species that is almost extinct is caught, I will tell them to release it back into the sea. The same goes to small fish and other sea creatures.

"I will also upload videos of us releasing them back into the sea on social media to educate the public," he said.



Watch the video
TheStarTV.com



Sam in his dragon fruit farm. — **BERNAMA**

Dragon fruit farmer gets creative to boost sales

SEPANG: You may have consumed the succulent pulp of dragon fruits, but have you tried dragon fruit bun with chicken-curry filling, dragon fruit nasi lemak or dragon fruit chips?

To counter the rising competition from other growers, dragon fruit farm operator Sam Chia, 51, and his son Eugene, 24, decided to open a restaurant on their premises three years ago to give the fruit a makeover and attract more customers by offering a variety of

dragon fruit-themed dishes, desserts and beverages. Their 1.2ha HL Dragon Fruit Eco Farm, which has some 3,000 dragon fruit trees, is located in Jalan Besar, Batu Satu.

Apart from dragon fruit buns, nasi lemak and chips, the restaurant's menu features dragon fruit seafood platter, dragon fruit mashed potatoes and desserts like dragon fruit waffle and dragon fruit popsicle.

Sam, who was born and raised in Sepang, said his farm has three varieties of dragon

fruit, the first with red skin and purple-coloured pulp, the second with red skin and white-coloured pulp and the third with yellow skin and white pulp, Bernama reported.

The father of three said the restaurant's most popular item, Jumbo dragon bun with chicken-curry filling, features a combination of the three dragon fruit flavours.

To enhance the farm's tourism value, a three-storey structure in the shape of a dragon fruit has been erected on the premises.

Sepang

Buah naga yang turut dikenali sebagai buah pitaya, lazimnya dinikmati begitu sahaja selain dijadikan jus atau pencuci mulut, dan mungkin ada sesetengah pengusaha yang memproses buah daripada sejenis kaktus itu menjadi kerepek.

Namun, tertintaskah di fikiran kebanyakan kita untuk menggunakan buah itu dalam nasi lemak?

Kedengarannya agak janggal, akan tetapi itulah yang dilakukan oleh pengusaha ladang buah naga Sam Chia, 51, yang menghadirkan menu itu di restoran miliknya di Jalan Besar, Batu Satu di sini, kira-kira 66 kilometer dari Kuala Lumpur.

Sam yang mengusahakan ladang dan restoran itu bersama anaknya Eugene Chia, 24, berkata selain nasi lemak buah naga, beliau juga menyediakan roti buah naga berintikan kari ayam di restorannya yang berkonsepkan 'dari ladang ke meja makan'.

"Sudah ramai yang mula menanam buah naga, jadi kita kena kreatif memikirkan cara lain untuk mem-

Dari ladang ke meja makan

Pengusaha ladang dan restoran tawar menu tempatan berasaskan buah naga segar

pelbagaikan produk daripada buah segar," katanya.

Menurut Sam, anaknya Eugene tampil dengan idea kreatif itu bagi memastikan mereka tidak bergantung pada pengeluaran dan jualan buah segar semata-mata berikutan semakin ramai menceburi bidang penanaman buah naga.

"Bermula dari situ, kami mulakan jualan produk dan makanan yang dihasilkan daripada buah naga. Sambutannya amat baik, sama ada daripada masyarakat tempatan mahupun pelancong asing," katanya yang sudah tujuh tahun bergelar pengusaha ladang buah naga.

Sam berkata, beliau memulakan perniagaan restoran itu yang dibina di ladangnya yang keluasan 1.2 hektar dan mempunyai 3,000 batang pokok buah naga, kira-kira tiga tahun lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, strategi mereka itu ternyata menjadi 'penyelamat'

kepada mereka sekeluarga dalam mengharungi kegetiran perniagaan semasa penularan pandemik Covid-19 memuncak yang turut menyaksikan eksport buah itu, antaranya ke Hong Kong, terhenti.

Menurutnya, mereka juga berdepan persaingan sengit daripada pengusaha ladang buah naga yang lain, sekali gus menyebabkan berlaku lambakan di pasaran tempatan.

Anak jati Sepang itu berkata, terdapat tiga jenis buah naga di ladangnya, iaitu buah naga kulit merah dengan isi berwarna ungu, kulit merah berisi putih dan kulit kuning berisi putih.

Menurutnya, ketiga-tiga jenis buah naga itu mempunyai peminat masing-masing dengan mereka yang gemarkan buah naga rasa manis akan memilih buah dengan isi ungu, sementara yang inginkan masam manis cenderung memilih buah isi putih.

Bercerita lanjut, bapa tiga anak itu berkata mereka menggabungkan rasa ketiga-tiga jenis buah berkenaan untuk menghasilkan resipi istimewa, iaitu roti jumbo Dragon

Bun berintikan kari ayam dan menjadi produk paling popular mereka.

Permintaan yang begitu memberangsangkan membuat mereka mempelbagaikan platform pemasaran dengan turut memanfaatkan penjualan dalam talian, sekali gus membantu menstabilkan perniagaan mereka semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Penjualan roti jumbo Dragon Bun kini mencecah 100 hingga 200 biji sehari termasuk dalam bentuk sejuk beku. Kesemua ini kami edar di sekitar Lembah Klang," katanya yang turut menyifatkan inovasi itu sebagai hikmah di sebalik Covid-19.

"Jika tidak, pasti kami akan menanggung kerugian besar kerana lambakan buah naga segar yang tidak terjual seperti apa yang terjadi kepada petani lain," tambahnya. Sementara itu, Eugene yang bertanggungjawab menguruskan restoran tersebut berkata, industri hantaran berasaskan buah naga berpotensi memberikan pulangan yang tinggi kerana menawarkan sesuatu yang berbeza kepada pelanggan.

"Kami menawarkan menu nasi lemak buah naga yang mana nasi dimasak bersama buah naga segar serta jus dikenali Dragon Breath

yang disajikan bersama-sama salad, buah atau ais-krim," katanya, menambah mereka juga menghasilkan kerepek buah naga sebagai pilihan kepada pelanggan yang tidak gemar buah segar.

Menurut Eugene, strategi perniagaan mereka bukan sahaja meningkatkan daya tahan perniagaan, tetapi juga mencipta peluang pekerjaan untuk anak tempatan di daerah ini.

"Cef dan pekerja di restoran ini adalah anak Sepang," katanya menerusi media sosial restoran itu mereka dapat membantu mempromosikan daerah Sepang sebagai destinasi agropelancongan.


Selain itu, ladang tersebut juga dijadikan 'gedung ilmu' berkaitan buah naga untuk pengunjung yang mahu mengenali dengan lebih dekat akan tanaman berkenaan, khususnya dari segi khasiat.

Menurut Eugene, mereka turut membina sebuah struktur berbentuk buah naga setinggi tiga tingkat yang membolehkan pengunjung menikmati keindahan panorama kawasan ladang berkenaan.

Istimewanya, struktur itu dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai struktur buah naga terbesar di Malaysia, pada tahun ini.

- Bernama

“
Kita kena kreatif untuk mempelbagaikan produk daripada buah segar
Sam Chia



NASI lemak buah naga dan roti buah naga berintikan kari ayam antara menu yang disediakan di restoran milik Sam.



SAM (kiri) bersama isterinya, Lydia Goh dan Eugene beristisfar di ladang buah naga miliknya di Sepang yang mempunyai 3,000 batang pokok buah naga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	24



Maman ini biasanya kita buat rendang atau jeruk, tetapi hasil penyelidikan kami menemukan sayuran ini kaya dengan fitokimia semula jadi yang dikira selamat dan berpotensi merawat keradangan...”




DR. Sanimah Simoh menunjukkan Krim Cleosafe yang dilancarkan pada Hari Inovasi MARDI (HIM) 12 Oktober lalu. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Produk krim antiradang dari sayur maman

Oleh DAYANG HANIA RAFEI
dayang.hania@mediamula.com.my

KERADANGAN atau inflamasi adalah keadaan di mana tubuh badan manusia bertindak balas kepada kecederaan, jangkitan kuman atau benda asing. Ia adalah tindak balas imuniti tubuh yang menyebabkan keadaan ruam merah, bengkak, radang, panas dan sakit di kawasan tertentu. Salah satu contoh ialah keradangan kulit. Ini boleh berlaku tidak kira usia. Namun tidak semua produk merawat atau mengurangkan keradangan sesuai digunakan pada kulit. Bagi mengurangkan kesan keradangan pada kulit, Pengarah Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Inovasi Institut Penyelidikan



dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Dr. Sanimah Simoh dan pasukannya (Dr. Koh Soo Peng, Dr. Sew Yun Shin dan Chandradevan) berhasil mencipta produk krim anti radang dengan nama Cleosafe.

Produk tersebut diformulasi daripada gabungan ekstrak sayur maman dan diperkaya dengan minyak kelapa dara.

“Maman ini biasanya kita buat rendang atau jeruk, tetapi hasil penyelidikan kami menemukan sayuran ini kaya dengan fitokimia semula jadi yang dikira selamat dan berpotensi merawat keradangan,” katanya.

CETUSAN IDEA

Menurut Dr. Sanimah, dia dan pasukannya mementingkan produk-produk berasaskan bahan-bahan semula jadi agar dapat dijadikan alternatif kepada perubatan moden.

Tambahnya, mereka ingin menambah nilai pasaran kepada sayuran tradisional negara.

"Kita mahu tambah nilai kepada sayuran tradisional, dan tidak dinafikan ada orang tidak kenal sayur maman, sebagai contoh di Negeri Sembilan penggunaannya lebih tertumpu untuk masakan.

"Oleh itu, penggunaan sayur ini masih belum meluas kerana bukan sahaja ramai tidak tahu malah sesetengah pihak yang sudah mengenali pun masih belum peka akan manfaat sayur maman," terangnya.

Kongsi Dr. Sanimah, apabila sudah ramai tahu akan kelebihan sayur tersebut, ada kemungkinan pendapatan petani juga akan meningkat.

Ini kerana, kemungkinan permintaan untuk menghasilkan sayur maman bakal melonjak naik.

PASUKAN Cleosafe dari kiri, Chandradevan a/ Machap, Dr. Koh Soo Peng, Dr. Sanimah Simoh dan Dr. Sew Yun Shin



Penggunaan sayur ini masih belum meluas kerana bukan sahaja ramai tidak tahu malah sesetengah pihak yang sudah mengenali pun masih belum peka akan manfaat sayur maman."

Penggunaan sayur maman dan minyak kelapa dara

KERADANGAN kulit seperti eczema, psoriasis, dermatitis, jerawat dan furunculosis merupakan penyakit kulit popular.

Dalam pada itu, Dr. Sanimah berkata, rawatan keradangan kulit biasanya melibatkan penggunaan ubat-ubatan bukan-steroid anti-keradangan (NSAIDs) yang berpanjangan boleh menyebabkan epidermis kulit menipis.

"Penerokaan sumber biodiversiti asli dan selamat amat diperlukan dalam merawat keradangan kulit.

"Oleh itu, sayur tradisional maman kaya dengan fitokimia semulajadi dan berpotensi merawat penyakit tersebut.

"Manakala minyak kelapa dara mengekalkan kelembapan kulit. Gabungan dua bahan semulajadi ini membolehkan kesan rawatan lebih berkesan," katanya.

Kongsinya juga, proses dan masa diperuntukkan bagi menghasilkan krim antiradang tersebut mengambil masa selama tiga tahun.

UJI PADA MANUSIA

Menurut Dr. Sanimah, krim

Cleosafe telah diuji selama 22 hari pada kulit manusia bagi melihat sekiranya terdapat kesan sampingan seperti iritasi.

"Selepas 22 hari, tidak ada simptom keradangan kulit direkodkan berlaku, ia seperti yang kami jangkakan kerana bahan-bahan digunakan hanyalah berasaskan sumber semula jadi.

"Ini kerana kebiasaannya bahan-bahan natural tidak mempunyai kesan sampingan apabila digunakan," katanya.

PENGGUNAAN DAN MUNCUL DALAM PASARAN

Sementara itu, menurut Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Dr. Sew Yun Shin, produk tersebut masih belum boleh dilancarkan dalam pasaran kerana perlu menunggu syarikat berminat untuk membeli dan melabur.

"Sementara menunggu syarikat yang berminat dan bekerjasama dalam ujian klinikal manusia serta validasi pasaran, kami dalam proses memberi lebih ramai orang mencuba menggunakan

produk ini dan meminta mereka memberikan testimoni," katanya.

Ditanya adakah produk tersebut sesuai digunakan untuk kanak-kanak, Dr. Sew berkata, ia tidak sesuai digunakan untuk bayi kerana mereka mempunyai kulit lembut dan sensitif.

Tambah beliau, apabila individu menggunakan krim tersebut, cuma sedikit sahaja diperlukan kerana ia bukan losyen badan.

"Kekeperluan memakai produk ini bergantung

pada individu, namun sebelum sapu pada kulit, pastikan permukaan kulit dibersihkan terlebih dahulu agar tiada jangkitan bakteria berlaku yang boleh merumitkan proses penyembuhan," ujarnya.

MAMAN lebih popular dimasak rendang bersama daging,

